

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.4 ( 73 )

11 Mac 2026  
21 Ramadan 1447

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 10/2026

### BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

Dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2026 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai lantikan kontrak melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 23 Februari 2026 dengan nombor rujukan JPA.800-3/2/4 (57) mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Lembaga Pengarah Universiti pada 6 Mac 2026 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Gred 15 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM500.00. Pemberian BKK ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang telah dilantik dan masih berkhidmat pada 13 Mac 2026 tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* atau *Contract for Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh Universiti.


4. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar pada 13 Mac 2026. Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti dimohon mengambil maklum berkaitan Bantuan Khas Kewangan bagi Tahun 2026.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
  - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah